

04/10/2001

Khatami, Dr Mahathir bincang pendirian isu keganasan

TEHERAN, Rabu - Presiden Iran, Mohammad Khatami, mahu kalangan negara Islam menyatakan satu pendirian bersama bagi menentang keganasan di samping tindakan dan penyelesaian secara global bagi menangani fenomena itu.

Menurut laporan agensi berita rasmi IRNA, perkara itu dinyatakan ketika beliau mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menerusi telefon, semalam.

"Kami meminta satu pendirian bersama kalangan negara Islam berhubung keganasan serta definisi jelas mengenainya," katanya.

Khatami berkata, ketika menangani pihak yang terbabit dalam serangan di Amerika Syarikat 11 September lalu, ia perlu dilakukan berdasarkan bukti dan dokumen manakala orang awam tidak wajar menjadi mangsa kempen mereka memerangi keganasan.

Katanya, adalah penting untuk mengelakkan konfrontasi antara Islam dan Barat.

Sambil meminta satu definisi jelas mengenai keganasan, beliau berharap menerusi usaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), satu mesyuarat harus diadakan untuk mencapai kesepakatan mengenai maksud keganasan bagi membenarkan masyarakat antarabangsa menangani fenomena itu.

Mengenai sesi luar biasa bagi Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) minggu depan, Khatami berkata: "Saya berharap negara Islam akan mencapai satu rumusan yang adil bagi menjelaskan maksud keganasan serta kaedah kempen memeranginya pada peringkat global bagi melindungi kepentingan umat Islam."

Di KUALA LUMPUR, Wakil Tetap Malaysia ke PBB, Datuk Hasmy Agam, berkata penggunaan kekerasan melampau oleh negara tertentu sehingga menyebabkan kehilangan banyak nyawa, kecederaan dan kesengsaraan kepada masyarakat umum sama kejamnya seperti perbuatan zalim kumpulan pengganas.

Katanya, kekerasan keterlaluan digunakan di wilayah Palestin yang diduduki untuk menindas penduduk yang memperjuangkan hak mereka.

"Aspek penggunaan kekerasan secara melampau ini perlu dikaji semula jika masyarakat antarabangsa mahu melihat hasil dalam usaha menangani keganasan," katanya dalam satu kenyataan di PBB New York.

Salinan kenyataan mengenai 'Agenda Perkara 166: Langkah-langkah Untuk Hapuskan Keganasan Antarabangsa' itu dihantar ke sini, hari ini.

Hasmy berkata, Malaysia menyokong sepenuhnya usaha Perhimpunan Agung PBB sekarang untuk membahaskan satu konvensyen menyeluruh mengenai keganasan antarabangsa.

Bagaimanapun, adalah penting untuk mencapai definisi jelas dan dipersetujui secara sejagat mengenai keganasan dalam menggubal konvensyen seperti itu.

"Tanpa satu definisi yang dipersetujui, ia pasti sukar untuk merumuskan atau menguatkuasa perjanjian antarabangsa untuk memerangi gejala ini," katanya.

Beliau berkata, tindakan pengganas terhadap masyarakat umum perlu dibezakan daripada perjuangan sebenar rakyat untuk membebaskan negara mereka daripada kuasa asing dan untuk menentukan sendiri masa depan mereka.

Hasmy berkata, keganasan adalah musuh bersama masyarakat global. Oleh itu, ia tidak harus dikaitkan dengan mana-mana kumpulan etnik atau agama.

(END)

